



**KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA

**KARNIVAL USAHAWAN DESA (KUD) @ PUTRAJAYA
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

TARIKH/MASA

**25 NOVEMBER 2023 (SABTU)
MASA KETIBAAN: 11:00 PAGI**

LOKASI

ANJUNG FLORIA, PUTRAJAYA

Terima Kasih Saudara dan Saudari
Pengerusi Majlis,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia
MADANI dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Rasulullah SAW sendiri sewaktu muda pernah berniaga hingga baginda memperoleh keuntungan yang banyak. Begitu juga sahabat RA ramai yang menceburi bidang perniagaan, antaranya Abu Bakar RA, Uthman RA, Abdur Rahman bin Auf RA dan ramai lagi. Ini sekaligus menggambarkan bahawa Agama Islam menghalalkan jual beli dan menggalakkan perniagaan supaya umat Islam dapat memakmurkan dunia serta mampu menjana kekuatan ekonomi tersendiri.

2. Berniaga bukan semata-mata di premis perniagaan. Bahkan, banyak bidang pekerjaan seperti penternakan, pertanian, pertukangan dan sebagainya pasti berakhir dengan urusan jual beli juga bagi memperoleh keuntungan hasil daripada usaha yang digembleng.

3. Oleh itu, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan misi dan visi sebagai peneraju dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan, saya merasakan bahawa aktiviti perniagaan

adalah salah satu cabang yang boleh membawa ke arah mencapai misi dan visi ini.

4. Alhamdulillah, melalui penganjuran Karnival Usahawan Desa (KUD) yang telah berlangsung sepanjang tahun 2023 di seluruh negara, dan kemuncaknya pada **KUD @ Putrajaya** kali ini, saya yakin bahawa ianya bukan sekadar mampu memperkasa masyarakat perdesaan dengan aktiviti perniagaan, malah dapat menyantuni masyarakat secara keseluruhannya.

5. Saya juga mewakili KKDW ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke KUD @ Putrajaya. Kehadiran YAB Perdana Menteri untuk datang walaupun dengan jadual yang sangat sibuk menunjukkan keprihatinan YAB Perdana Menteri kepada masyarakat di perdesaan.

6. Saya juga mengalu-alukan dan berterima kasih atas kehadiran barisan pemimpin Kerajaan Peringkat Persekutuan dan Negeri, kepimpinan akar umbi serta sidang hadirin yang

sama-sama hadir menyemarakkan lagi majlis kita pada hari ini.

7. Tidak dilupakan juga penghargaan saya kepada 10 agensi di bawah KKDW serta penglibatan dari Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (**UD**), Bahagian Korporat dan Pembangunan Kemahiran (**K**), Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti (**EK**) dan **GiatMARA** dalam pengisian program dan aktiviti sepanjang KUD @ Putrajaya berlangsung dari 22 hingga 26 November 2023.

8. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Perbadanan Putrajaya (PPj) di atas penggunaan lokasi Anjung Floria yang sememangnya semakin sinonim dengan penganjuran acara-acara luaran berskala besar di Putrajaya.

9. Begitu juga buat para pengunjung KUD @ Putrajaya yang hadir memberikan sokongan kepada KKDW dalam memartabat dan mengangkat produk-produk yang dihasilkan oleh usahawan desa ke satu tahap yang lebih tinggi, serta rakan media yang membuat liputan dan hebahan mengenai program dan perkhidmatan yang ditawarkan sepanjang karnival ini.

LATAR BELAKANG KUD @ PUTRAJAYA

Hadirin Yang Dihormati,

10.KUD @ Putrajaya 2023 merupakan penganjuran kali ke-9 dianjurkan oleh KKDW di mana kali terakhir penganjuran ini dilakukan pada tahun 2019.

11.Pada tahun ini, KKDW juga telah mengadakan lima (5) program Mini KUD di beberapa negeri iaitu Negeri Sembilan (**Mini KUD @ NS Fest**), Kedah (**Mini KUD @ Sungai Petani**), Selangor (**Mini KUD @ Sungai**

Besar), Johor (Mini KUD @ Simpang Jeram) dan Pahang (Mini KUD @ Simpang Pelangai).

12.KUD @ Putrajaya adalah platform yang terbaik bagi usahawan desa mendapat bimbingan Kerajaan dan menjadi ruang untuk mendapatkan bantuan khidmat nasihat dalam meningkatkan produktiviti serta mengembangkan perniagaan. Program ini juga menyasarkan penyertaan bahagian-bahagian dari Kementerian dan agensi yang turut menyediakan program pengukuhan keusahawanan dan pembiayaan kewangan kepada usahawan desa.

13. Bagi merencanakan program kali ini, **seramai lebih 800 usahawan desa** yang terdiri daripada pelbagai kategori termasuklah kategori makanan, kategori perkhidmatan, kategori tekstil dan peruncitan, kategori fesyen pakaian, kategori produk kecantikan dan kesihatan, kategori kraftangan dan kategori produk pertanian menjadi fokus utama pelaksanaan KUD @ Putrajaya dan seterusnya menyasarkan transaksi jualan sehingga **RM10 juta** yang meliputi jualan tunai, padanan perniagaan dan tempahan serta dapat menarik penyertaan sehingga **1 juta**

pengunjung sepanjang program berlangsung!

14. Penganjuran KUD @ Putrajaya ini akan memberi impak positif kepada produk keluaran usahawan tempatan bukan sahaja dari segi jumlah jualan, akan tetapi paling penting dapat memberi persepsi yang positif bahawa kualiti produk usahawan tempatan khususnya usahawan desa adalah setanding dengan produk yang diimport dari luar negara.

BANTUAN GALAKAN USAHAWAN

Hadirin Yang Dihormati,

15. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk membentuk semangat keusahawanan yang utuh, bukan sahaja dalam kalangan para usahawan, malahan seramai mungkin rakyat Malaysia. Pembentukan masyarakat Malaysia yang berpemikiran keusahawanan merupakan asas dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan serta membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Hasrat tersebut dapat dicapai melalui:

i. Pemberian geran menerusi Program Pensijilan Perniagaan – *Business Enrichment, Standardization & Transformation* (BEST) khusus bagi pensijilan Halal kepada 204 syarikat penerima berjumlah RM2,830,125.00 bagi tempoh tahun 2021 sehingga 31 Oktober 2023;

ii. Pemberiaan geran berjumlah RM2,782,191.00 bagi tempoh sehingga 31 Oktober 2023 menerusi Program Sokongan Keusahawanan Luar Bandar

(SPKLB) kepada 561 orang usahawan desa; dan

- iii. Melahirkan usahawan baru dalam bidang profesional menerusi Program Professional Financing Scheme (ProSPEC) MARA dengan 117 syarikat telah berjaya terbentuk yang memberi peluang pekerjaan kepada 538 pekerja rakyat tempatan serta jualan terkumpul keseluruhan syarikat adalah RM162 juta daripada tahun 2021 sehingga kini.

AKTIVITI TARIKAN PENGUNJUNG

16. Pelbagai aktiviti tarikan pengunjung telah dilaksanakan antaranya ialah Forum Perdana Ehwat Islam, Persembahan Nyanyian Nasyid, Perkampungan Mini Orang Asli dan lain-lain pengisian sepanjang KUD @ Putrajaya berlangsung.

17. Pelaksanaan Program KUD @ Putrajaya ini juga dimeriahkan lagi dengan penggunaan **kupon penggalak jualan** yang keseluruhannya bernilai **sehingga RM200 ribu** yang diberikan secara percuma kepada semua pengunjung

untuk memeriahkan jualan usahawan yang menyertai Program KUD @ Putrajaya kali ini.

18. Selain itu, KKDW telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan produk pelancongan desa yang sangat menarik dan mampu menambat hati setiap pengunjungnya. Komponen *Rural Tourism* diperkenalkan khusus bagi tujuan ini. Komponen ini dijayakan dengan penyertaan oleh hampir semua Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) serta Program Desa Lestari yang ingin diperkenalkan kepada masyarakat diperdesaan.

AKTIVITI PAMERAN AGENSI DAN ANAK SYARIKAT

19.KUD @ Putrajaya turut mengadakan pameran yang disertai oleh bahagian-bahagian di bawah KKDW, agensi serta anak syarikat dan Jabatan atau agensi luar KKDW seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Agrobank, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Halal Development Corporation (HDC), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan

Perdana Menteri (JPM) yang berfokus kepada keusahawanan, pendidikan serta penawaran kemudahan-kemudahan lain yang disediakan.

20. Diharapkan para pengunjung akan mengambil peluang ini untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan atau agensi yang terlibat bagi memulakan atau mengembangkan potensi perniagaan masing-masing.

PENUTUP

Hadirin Yang Dihormati,

21. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim di atas kesudian meluangkan masa untuk melancarkan Karnival Usahawan Desa Putrajaya tahun 2023.

22. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Kementerian dan agensi-agensi KKDW, Perbadanan Putrajaya serta tidak dilupakan para usahawan desa yang bekerja keras dalam menjayakan KUD @ Putrajaya kali ini.

23. Ucapan terima kasih kepada para pengunjung yang hadir dan menunjukkan sokongan dengan membeli dan menggunakan produk dan perkhidmatan keluaran usahawan desa, yang sememangnya mempunyai kualiti setanding barangan berjenama di pasaran.

24. Semoga usaha penganjuran KUD@Putrajaya 2023 kali ini akan dapat membawa makna yang besar dan kebaikan kepada semua pihak selaras dengan pendekatan Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Kerajaan Perpaduan. InsyaAllah.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,
Wassalamuaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.